

# PIBKS Meningkatkan Pembangunan Pendidikan Di Labuan



Peranan ibubapa, komuniti, pihak swasta dan agensi kerajaan adalah penyokong kuat kepada gerakan dan aktiviti pembangunan Pendidikan di WPL.

Bagi menghargai komitmen dan peranan yang dimainkan oleh Kumpulan Penggerak Ibubapa Komuniti dan Swasta Negeri(KPIBKSN), Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah menganjurkan Program Executive Talk PIBKS pada 13 November lalu.

Program yang dihadiri kira-kira 150 jemputan anjuran Sektor Pengurusan Sekolah (SPS) itu telah diadakan di Palm Beach Resort, Batu Manikar.

Menurut Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Puan Maimoon binti Matnoh, program ini diadakan khusus bagi mengiktiraf peranan KPIBKS dalam bersama-sama menyumbang

kepada pembangunan pendidikan di pulau bertuah ini.

*“Selain itu, forum ini juga adalah untuk memaklumkan perkembangan terkini berkaitan pembangunan pendidikan di Labuan” ujar beliau lagi.*

Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad telah hadir merasmikan majlis tersebut.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan pendidikan sebagai senjata paling ampuh dalam meningkatkan kualiti sosio ekonomi keluarga dan masyarakat.

*“Peranan dan tanggungjawab ibubapa, komuniti dan pihak swasta adalah sangat signifikan dalam pendidikan Labuan sejak awal pendidikan kanak-kanak sehingga ke lepasan menengah”*

*“Kebolehan menguasai kemahiran literasi dalam kalangan anak-anak pra sekolah sudah tentu akan membuka ruang penerokaan pelbagai ilmu pembelajaran di peringkat sekolah rendah” kata beliau lagi.*

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan SMA Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (SMA MAIWP) telah menjadi warga pendidikan terbaharu dengan termeterai kesefahaman antara Jabatan Pendidikan W.P Labuan, MAIWP dan KPM sejak Jun lalu.

*“Kerajaan turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM65 juta dalam Belanjawan 2022 baru-baru ini untuk pembinaan bangunan baharu SMA MAIWP. Ini adalah manifestasi keprihatinan kerajaan terhadap penduduk Labuan” tambah beliau lagi.*



Encik Yusup menyampaikan cenderhati kepada YDP PIBG SMK Labuan, Tuan haji Md Yusof  
Selain itu beliau turut memaklumkan beberapa kelulusan projek menaik taraf institusi pendidikan yang bakal berlangsung dalam RMK-12.

Antaranya ialah projek pembinaan Kolej Tingkatan Enam dan penambahan bilik darjah di SMK Labuan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM36 juta.

Di samping itu, Jabatan Pendidikan juga berusaha untuk membida projek kemudahan Kompleks Sukan di tapak seluas 59 ekar di Sungai Lada dalam RP4, RMK-12.

Di akhir ucapan, beliau mengucapkan terima kasih atas keprihatinan anggota masyarakat setiap peringkat dalam menyantuni murid-murid yang telah kehilangan ibubapa akibat pandemik Covid-19.

*“Pihak sekolah akan berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan murid-murid SMK Mutiara mendapat peluang terbaik bukan hanya dalam bidang akademik malah di dalam bidang sukan” katanya lagi.*

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Kolej Vokasional (KV), Encik Awang Alik bin Saidil turut berkongsi peluang-peluang pembelajaran dalam bidang kemahiran yang terdapat di Kolej Vokasional Labuan.

*“Dari aspek kebolehpasaran graduan keluaran KV, setakat ini sekitar 80% pelajar terus memasuki pasaran kerja sejurus tamat pengajian, 15% menjadi usahawan dan selebihnya menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi” jelas beliau.*

Sebanyak 3 “letter of intent” telah ditandatangani dalam majlis ini melibatkan JPN Labuan, Persatuan Bola Sepak Labuan(LAFA), SMK Mutiara, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kolej Vokasional Labuan dan Areach Marketing & Supplies Sdn. Bhd.

Di akhir program, Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah berbesar hati menyampaikan cenderahati kepada agensi-agensi terlibat sebagai tanda apresiasi atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang tahun ini.

**Berita Oleh : Sektor Perancangan**





Penghargaan kepada pihak Media Labuan atas kerjasama dan sumbangan dalam mempromosikan Jabatan Pendidikan kepada masyarakat.



*"Letter of Intent"* antara JPN Labuan dengan Persatuan Bola Sepak Labuan(LAFA)

---

# Persidangan Guru Pewaris Negara Peringkat Kebangsaan



Labuan, 29 Nov 2021- Pada 23-25 November 2021 diadakan Persidangan Guru Pewaris Negara Peringkat Kebangsaan bertempat Berjaya Times Square, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Persidangan ini dihadiri oleh wakil jawatankuasa Guru Pewaris Negara setiap negeri-negeri dan wilayah persekutuan seluruh Malaysia.

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dibawah Pegawai Meja Guru Pewaris Negara WP Labuan iaitu Tuan Haji Minggu bin Haji Amat (Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid) menghantar 6 orang guru dan seorang pegawai pengiring.

Pegawai pengiring ialah Puan Sadiyah binti Jakob (Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid), Cikgu Anwar bin Ibrahim (Ketua Pengerak Guru Pewaris Negara WP Labuan) daripada Kolej Vokasional Labuan, Cikgu Saharuddin bin Bandung (Timbalan Ketua Pengerak GPN WP Labuan) daripada Kolej Vokasional Labuan, Cikgu Muhamad Hanafi bin Salim (Media GPN WP



Labuan) daripada SK Sungai Lada, dan tiga orang AJK iaitu Cikgu Mohd Asyraf bin Abd Hamid daripada SK Sungai Berdaun, Cikgu Shafini Adhira binti Mohd Zaini daripada SK Patau-Patau dan Cikgu Nor Hani binti Misbah daripada SK Patau-Patau.



Perwakilan dari Guru Pewaris Negara Wilayah Persekutuan Labuan

Sepanjang persidangan ini guru-guru dari perwakilan Guru

Pewaris Negara setiap negeri dan wilayah dapat Bersama-sama pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta memberi maklumat terkini secara terus daripada pengurusan tertinggi bagi kelancaran diperingkat pelaksana. Program seperti ini dapat merapatkan jurang KPM dan para guru.

Setiap tetamu persidangan akan berkongsikan tajuk-tajuk mengenai Pendidikan masa kini seperti Kesantuan Budi, Profesionalisme Keguruan, Human Governance dan Integriti, Keterampilan Guru, Motivasi dan Kreativiti Seorang Guru, Taklimat Pengoperasian Sekolah dan sesi libat urus bersama Menteri Kanan Pendidikan.



**Sesi libat urus YB Senator Datuk Dr Radzi (Menteri Kanan Pendidikan), Datuk Yusran Shah (Ketua Setiausaha KPM), Datin Seri Nor Zamani (Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia), Tuan Zainal Abas (Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian**

Program dahulu dikenai sebagai Guru Muda Malaysia dan sekarang dijenamaan semula kepada Guru Pewaris Negara. Guru Perwaris Negara ini bertujuan melahirkan pemimpin pelapis yang memahami dasar, semangat jati diri dan patriotik, kreatif, berbakat, semangat kesukarelawanan



dalam kalangan guru melalui bimbingan guru berpengalaman. Pelbagai aktiviti dirancang mengikut kluster seperti Kluster Profesionalisme, Kluster Perpaduan, Kluster Riadah dan Sosial, Kluster Kebajikan dan Kluster Kepimpinan.

Guru-guru di Wilayah Persekutuan Labuan boleh mengikuti laman Facebook (Guru Pewaris Negara – WP Labuan) bagi mendapatkan maklumat terkini dan program-program yang bakal diadakan pada masa akan datang.

#GuruPewarisNegara

#SekolahKuSEJAHTERA

#NothingBeatsHardWork

---

# **Anugerah Teknologi Pendidikan dan Hari Inovasi Pemangkin Warga Digital**



Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah melaksanakan majlis Anugerah Teknologi Pendidikan (TEKNOPEN) dan Hari Inovasi Pendidikan bagi tahun 2021 secara serentak 24 November lalu.

Majlis yang diadakan di Bilik Benua, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) telah dikelolakan secara kolaboratif antara SSTP, Sektor Pembelajaran, Sektor Pengurusan Maklumat dan Sektor Perancangan.

Menurut penyelaras majlis, Encik Awang Marten bin Haji Abdul Rahman yang juga Ketua Penolong Pengarah SSTP, majlis diadakan sebagai memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada semua warga pendidikan yang telah menyumbang daya kreatif, inovatif dan mencapai tahap yang membanggakan dalam setiap kategori yang dipertandingkan.

*“Sebanyak 37 kategori dalam Anugerah TEKNOPEN dipertandingkan melibatkan warga sekolah dan warga jabatan. Penilaian adalah berdasarkan merit keberhasilan yang telah ditunjukkan oleh para penerima” kata beliau lagi.*

Sementara itu, penyelaras Hari Inovasi Pendidikan (HIP) 2021, Puan Faridah Amit berkata seramai 32 pemenang daripada 12 kategori telah dipilih melalui pencalonan yang diterima.

“Pihak urusetia induk telah melantik urusetia bagi setiap kategori untuk memilih pemenang. Panel-panel penilai telah dilantik mengikut kepakaran mereka” jelas beliau.



Puan Anita mewakili cikgu Airol (SK Pekan Satu) menerima Anugerah Guru Pencipta Kandungan Digital Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad telah hadir merasmikan majlis tersebut. Dalam ucapannya, beliau menekankan peri penting penambahbaikan berterusan dalam organisasi bagi menangani perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan.

*“Saya yakin usaha-usaha inovasi dan idea-idea kreatif telah berjaya meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan dan berjaya meletakkan nama Labuan sebaris dengan negeri-negeri lain”*



Selain itu, beliau turut menyeru agar semua warga pendidik menguasai teknologi digital dalam pendidikan bagi mendepani dunia VUCA.

Anugerah tokoh inovasi kategori individu telah dianugerahkan kepada Encik Sapri Idris daripada SMK Ranca-Ranca.

Beliau yang juga guru pusat sumber sekolah berkenaan telah berjaya mewujudkan pusat sumber digital sesuai dengan perkembangan teknologi masa kini.

Selain itu, idea-idea kreatif dan inovasi banyak dapat dilihat melalui susun atur di dalam pusat sumber selain memperkenalkan TV Pusat Sumber Sekolah dan Radio sekolah sebagai saluran penyampaian maklumat.

Manakala Labuan Research and Innovation Society (LaRIS) telah berjaya merangkul tokoh inovasi negeri dalam kategori kumpulan/pertubuhan/program.

Persatuan yang ditubuhkan dua tahun lalu itu telah berjaya menggerakkan pelbagai aktiviti berkaitan kajian tindakan dan inovasi di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Turut hadir dalam majlis berkenaan Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Encik Mohd Nizam bin Yasim, para Pengetua, Guru Besar dan Pegawai-pegawai JPN.

**Berita Oleh : Sektor Perancangan**



Anugerah Pengurusan Inovatif dan Kreatif PdPR (Rendah)



Anugerah Pengurusan Inovatif dan Kreatif PdPR (Menengah)





Encik Izuan – Ikon GPB



Encik Azman – Ikon JTK



Encik Mohd Nizam mewakili Sektor Perancangan menerima Anugerah Kualiti Pengurusan Program/Aktiviti